

Buah Buton pada Rumah Dato' Muar Bongkok: Konteks Alam sebagai Interpretasi Perwatakan Pemimpin Adat Perpatih

Buah Buton at the House of Dato' Muar Bongkok: The Context of Nature as an Interpretation of the Character of Adat Perpatih Customary Leaders

FAKHRUR RAZI MAAMOR, SABZALI MUSA KAHN, MOHD ROSLI SALUDIN

ABSTRAK

Terdapat pelbagai cara dalam menyetekahkan sifat dan perwatakan seseorang dalam dunia ini, termasuk juga buah buton yang menjadi perlambangan identiti. Tujuan artikel ini adalah untuk menghuraikan hubungan kait konteks alam dengan perwatakan dan nilai yang terdapat pada rumah Dato' Muar Bongkok di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. Kajian turut melibatkan dua kaedah dalam memperoleh data iaitu kajian lapangan dengan mengkaji rumah tradisional tersebut yang terlibat. Manakala, temu bual pula adalah melibatkan waris, penduduk tempatan dan penyelidik Adat Perpatih yang mengkaji tentang undang-undang tradisi ini. Berdasarkan kajian lapangan yang dibuat, menunjukkan bahawa buah buton tergantung di bahagian yang simbolik dengan pemimpin adat tersebut. Perlambangan tersebut dipadankan dengan karakter dan perwatakan pemimpin tersebut yang merujuk kepada alam sebagai konteks dalam penghasilan karya tradisi tersebut. Oleh itu, artikel ini mencadangkan agar buah buton dapat dijadikan simbolik dalam komunikasi visual yang menghubungkan persefahaman dalam perwatakan yang positif. Sebagai contoh diaplikasikan pada ruang-ruang atau bangunan yang menjadi tempat pertemuan pemimpin yang menjadi tempat menyuarakan pandangan dan hak rakyat dalam negara.

Kata kunci: Ukiran; seni; komunikasi; karakter; nilai

ABSTRACT

In this world, there are many methods to emphasize a person's essence and character, including the 'buah buton', which is a sign of identification. The goal of this article is to explain the relationship between the natural environment, personality and values found at Dato' Muar Bongkok's house in Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan. The study also includes two ways for gathering data, one of which is fieldwork by inspecting the traditional houses involved. Meanwhile, the interview included descendants, local communities and experts in Adat Perpatih. According to the field study, the 'buah buton' hangs in the section that represents the traditional leader. The symbolism relates to the leader's character, who alludes to nature as a setting in the development of traditional art. As a result, this article proposes that the 'buah buton' may be employed as a visual communication sign that positively links understanding. For example, it is used as a gathering location for leaders who advocate for the beliefs and rights of the people in the nation.

Keywords: Carving; art; communication; character; value

PENGENALAN

Sifat dan perwatakan seseorang itu dinilai berpandukan kepada cara, percakapan, perbuatan atau pakaiannya. Melalui kriteria tersebut, penilaian mampu menentukan pandangan kita sama ada individu tersebut positif atau negatif. Begitu juga pada diri seorang pemimpin dunia yang perlu tampil menjadi seorang yang berpengaruh dan seterusnya mampu

mempengaruhi rakyat serta negara sekelilingnya (Muteswa 2016 & Surji 2015). Konteks pengaruh itu boleh disampaikan dengan pelbagai cara berdasarkan kepada cara berfikir si pemimpin itu. Sama ada berfikir demi kepentingan diri atau pengikutnya. Jika pemimpin itu bertindak atas dasar peribadi dalam pentadbirannya, maka pandangan negatif akan menjadi bualan para pengikutnya. Sebaliknya, andai pemimpin itu bertindak atas kapasitasnya sebagai seorang

pemimpin dan bukannya “bos”, pemimpin itu akan menjadi seorang yang disanjung dan dihormati oleh rakan sekerja dan pengikutnya yang lain (Martinez et al. 2020). Perkara ini menampakkan sifat dan perwatakan seorang pemimpin itu mampu mencerminkan kekuatan sesebuah organisasi yang boleh mencapai visi dan misi mereka. Perkara tersebut juga dapat menjadi simbolik dan ikutan pada orang bawahannya untuk turut mengikut perilaku dan perbuatan yang baik.

Di Luak Tanah Mengandung¹ (rujuk Gambar 1), Negeri Sembilan, seorang pemimpin adat itu dipilih atas dasar pengalaman serta pengetahuannya dalam Adat Perpatih. Ini menunjukkan bahawa ilmu, kematangan dan minda pemimpin itu menjadi keutamaan dalam pemilihan pemimpin yang dipilih atas dasar muafakat (consensus) (Mohammad Fadzeli Jaafar et al. 2017; Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman 2017; Mualimin Mochammad Sahid et al. 2017).



GAMBAR 1. Peta menunjukkan pembahagian luak di Negeri Sembilan yang antaranya melibatkan lima luak dalam Luak Tanah Mengandung iaitu Luak Ulu Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Gunung Pasir dan Luak Inas
Sumber: Sistem Sosial Adat Perpatih (Nordin Selat 2014)

Perbincangan dan keabsahan seseorang pemimpin itu perlu mendapatkan sokongan sepenuhnya daripada anak buah bagi menggantikan pemimpin yang terdahulu. Perkara ini merupakan simbolik dalam Adat Perpatih yang amat menekankan konsep muafakat sebagai tunjang dalam setiap perkara termasuk juga tentang pembahagian harga dan perkahwinan. Ini juga menjadi tugas pemimpin adat yang akan menjadi

pemutus kata atau menyatakan keputusan hasil daripada pembincangan. Jelas beberapa perkara yang perlu ada dalam diri pemimpin itu seperti bijak, adil, matang, berilmu dan segala hal yang positif. Sama halnya dengan teromba di bawah yang menyebut tentang pemilihan pemimpin seperti aspek yang dinyatakan tadi;

Yang diberikan kepercayaan,
Yang diberikan kekuasaan,
Yang diberikan beban berat,
Yang diberikan tanggungjawab,
Yang diikat janji dan sumpah,
Yang sampai petua amana.

Malah, Norhalim Ibrahim (n.d.) menyenaraikan kualiti seorang pemimpin itu kepada sembilan aspek iaitu; berakal; kaya; pemurah; berilmu; arif bijaksana; jujur; lurus dan benar; adil; dan berfikir. Setiap aspek tersebut menunjukkan seorang pemimpin itu bukannya dipilih atas dasar kapasiti peribadi, sebaliknya untuk kepentingan anak buah. Oleh sebab itu, pemilihan pemimpin dipilih secara muafakat dan mendapat kata putus bersama demi mendapatkan pemimpin yang bertanggungjawab dan adil. Perkara ini menunjukkan bahawa pemimpin dan anak buah itu rapat dan saling memerlukan antara satu sama lain. Diibaratkan “jauh tidak berjarak, dekat tak berantara”. Malah, ada teromba yang mengaitkan dengan alam sebagai elemen dalam penyampaian makna pemimpin dan anak buah berhubung kait seperti dibawah;

Bagai aur dengan tebing,
Bagai kuku dengan isi,
Bagai mata hitam dengan mata putih.

Jika pemimpin dan anak buah tidak dapat dipisahkan, buah buton (rujuk Gambar 2) pula merupakan elemen yang ada pada rumah tradisional Negeri Sembilan dan tidak boleh dipisahkan dengan struktur-struktur tertentu dalam rumah tradisi tersebut. Malah, buah buton ini merupakan simbolik terhadap perwatakan dan sifat pemimpin yang digambarkan dalam konteks alam dengan mengilhamkan subjek tersebut sebagai metafora dalam perlambangan. Simbolik ini turut memperlihatkan kedudukan buah buton serta rekaannya yang dihasilkan berdasarkan Adat Perpatih. Boleh dikatakan, sifat dan perwatakan pemimpin dengan Adat Perpatih mempunyai kaitan dengan konteks alam. Sementara itu, buah buton merupakan interpretasi terhadap kebudayaan

masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Tafsiran ini adalah berpandukan kepada pengamalan masyarakat ini terhadap adat yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau ke negeri tersebut. Umum mengetahui bahawa pemahaman yang diketengahkan oleh masyarakat Minangkabau ini menggunakan ajaran Islam sebagai asbab dalam penyebaran “adat bersendikan hukum, hukum bersendikan syarak, syarak bersendikan kitabullah”. Rekaan buah buton yang pelbagai atau berbentuk *rounded* seperti dinyatakan oleh Yaakub Idrus (1996) berdasarkan buku beliau; “Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu” yang mana ukiran tersebut diaplikasikan di bawah tiang gantung. Menurut Mohd Sabrizaa Abd Rashid dan Sufian Che Amat (2008) yang mana turut mengklasifikasikan bentuknya seperti sarang lebah yang tergantung. Perkara ini adalah sejajar dengan tuntutan Islam yang melarang umatNya menghasilkan apa-apa bentuk figura yang bernyawa seperti manusia dan haiwan. Walau bagaimanapun, *subject matter* yang berunsurkan nyawa masih diterapkan dalam unsur ukiran Melayu, tetapi motifnya diolah dalam bentuk abstrak selari dengan tuntutan Islam. Sebagai contoh motif itik pulang petang, motif beruk bergayut, motif kuda menyepak dan motif ayam berlaga seperti dinyatakan oleh Nila Inangda Manyam Kemala Daud, Ezrin Arbi dan Mohammad Faisal (2012) dalam penulisan jurnal mereka “Pengaplikasian Ukiran Melayu dalam Seni Bina di Malaysia”. Motif-motif tersebut turut diaplikasikan pada seni bina tradisional Negeri Sembilan seperti Istana Lama Seri Menanti antaranya motif itik pulang petang yang telah dikenal pasti oleh Raja Nafida Raja Shahminan (n.d.) dalam penulisannya “Seri Yang Menanti”.

Berbeza dengan reka bentuk buah buton di Negeri Sembilan yang diukir daripada sebatang atau sebongkah tiang dalam bentuk tiga dimensi yang lebih menjurus kepada bentuk flora. Reka bentuknya mengambil ilham daripada fizikal subjek yang dirujuk. Ada sesetengahnya diukir bentuk menjadi seperti sebiji buah yang kemudiannya diukir motif tertentu bagi mengisi kekosongan ruang pada rekaan buah buton. Bertepatan dengan konsep “adat yang sebenar adat” seperti yang dinyatakan oleh Tenas Effendy (2004) iaitu proses penghasilan adat perlu melalui ajaran Islam. Begitu juga dengan rekaan buah buton yang terdapat pada rumah tradisional Negeri Sembilan yang diukir bentuknya dengan

berpandukan Adat Perpatih sebagai *guideline* yang selari dengan ajaran Islam. Seperti dinyatakan oleh Raja Nafida Raja Shahminan (2007), setiap unsur yang terdapat pada seni bina tradisional Negeri Sembilan berprinsipkan adat yang dibawa dari Minangkabau ini; tidak terkecuali rekaan buah buton.



GAMBAR 2. Buah buton yang terdapat pada rumah tradisional Negeri Sembilan

Sumber: Fotografi oleh Fakhrur Razi Maamor 2020

Secara umumnya mengetahui bahawa konsep yang dibawa oleh perantau dari Minangkabau ke Negeri Sembilan adalah berpegang kuat dengan falsafah alam iaitu “alam terkembang jadi guru”. Merujuk pada “adat yang sebenar adat” ianya merupakan konsep ilmiah yang menjadikan pengaruh sekeliling dalam membentuk proses kejadian sebuah adat. Unsur alam telah memberi kesan terhadap Adat Perpatih seperti dinyatakan oleh Muhammad Takari Jilin Syahrial dan Fadlin Muhammad Dja’far (2019) dalam “Memahami Adat dan Budaya Melayu”. Pengistilahan ini menjadi sebuah adaptasi kepercayaan yang kukuh dan formal terhadap alam, kekuatan alam dan fungsi alam. Justeru itu, ianya mewujudkan sebuah kehidupan yang saling berhubungkait antara manusia dan alam. Menurut Ali Akbar Navis (1984) dalam “Alam Terkembang Jadi Guru: Adat dan Kebudayaan Minangkabau”, alam mempunyai keserasian dengan manusia yang melibatkan tempat hidup dan mati; berkeluarga dan kepimpinan; kesenian dan sastera. Kesatuan ini menjalin sebuah eksistensi dalam suatu harmoni tetapi dinamik sesuai dengan dialektika alam.

Keharmonian Adat Perpatih dan buah buton di Negeri Sembilan menjadi timbang tara terhadap kesejagatan dalam kehidupan masyarakat di

Negeri Sembilan. Alam yang mempunyai kaitan dengan manusia telah menjadikannya sebagai rujukan kepada setiap perkara yang dilaksanakan. Begitu juga dengan pembikinan buah buton yang telah dipengaruhi daripada pelbagai aspek dalam Adat Perpatih seperti ekonomi, politik, organisasi sosial, kesenian dan sebagainya. Menurut Ali Akbar Navis (1984), alam telah meletakkan manusia sebagai salah satu unsur yang statusnya sama dengan unsur-unsur alam seperti tanah, rumah, suku dan nagari. Setiap unsur ini sekaligus menjadikannya dasar terhadap undang-undang atau peraturan Adat Perpatih. Hal ini, termasuklah pembahagian harta, perkahwinan, pemilihan pemimpin, kekeluargaan dan sebagainya. Adat itu sendiri digambarkan sebagai undang-undang yang mewujudkan keperibadian masyarakatnya yang tertakluk kepada undang-undang alam (Mohd Rosli Saludin 2009). Ianya selari dengan tanah asal kewujudan adat ini di Minangkabau yang menjadikan alam sebagai panduan hidup mereka.

Oleh itu, tujuan makalah ini adalah untuk menghuraikan pengaruh konteks alam buah buton yang dihasilkan berdasarkan sifat dan perwatakan pemimpin adat itu sendiri. Sementara itu, bagi mencapai matlamat artikel ini, penghuraian berkenaan dengan permuafakatan dalam Adat Perpatih berpandukan konteks alam yang diketengahkan oleh Ali Akbar Navis (1984) seperti permuafakatan dalam politik serta pemilihan pemimpin. Sebelum itu, konsep harga diri merupakan antara penekanan dalam kehidupan masyarakat Adat Perpatih itu sendiri yang tidak hanya tertakluk pada pemimpin adat semata-mata. Bagi tujuan sampel penyelidikan, sebuah rumah yang didiami oleh Penghulu salah sebuah luak (akan diterangkan di bahagian metodologi) yang sangat sinonim dan dekat dengan masyarakat Adat Perpatih dijadikan sebagai pilihan sampel kajian ini. Pemilihan rumah tersebut untuk makalah ini disebabkan visual serta kedudukan buah buton itu adalah jelas berserta bahan dan respon daripada setiap informan adalah jelas dan terperinci.

HARGA DIRI HIDUP BERMASYARAKAT ADAT PERPATIH

Adat Perpatih merupakan sebuah sistem yang menggunakan jurai keturunan yang bernasabkan ibu atau matrilineal sebagai pegangan dalam pengamalan adat. Perkembangan institusi ini adalah bergantung pada konteks kekeluargaan

yang berkembang sejak kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan secara amnya. Malah, institusi ini turut dipimpin oleh individu yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam Adat Perpatih dan dipilih oleh anak buah mereka. Maka, pemilihan tersebut bukan sekadar dinilai sebelum mereka dilantik sebagai ketua, tetapi turut mengambil kira selepas mereka bakal bergelar pemimpin adat. Oleh itu, permuafakatan dalam konteks kekeluargaan merupakan sesuatu perkara yang mempunyai nilai jati diri yang tinggi dalam Adat Perpatih.

Sementara itu, kekuatan dalam kekerabatan ini juga turut menyentuh tentang perkembangan ahli keluarga mereka. Sebagai contoh kehidupan mereka ketika bersama ahli keluarga (waktu di bawah tanggungan ibu bapa) dan selepas berhijrah keluar dari kampung. Perkara ini sudah semestinya menyentuh tentang konteks ekonomi, selain konteks perkahwinan yang menjadi asbab terhadap perkembangan institusi ini.

Setiap perkara yang dinyatakan ini menyentuh tentang aspek harga diri terhadap setiap individu dalam Adat Perpatih. Sebagai contoh pemimpin adat perlu mempunyai sifat bertanggungjawab terhadap anak buah mereka demi menjaga kehormatan mereka dan begitu juga sebaliknya. Sementara itu, setiap individu dalam kelompok masyarakat adat ini juga perlu menjaga maruah ahli keluarga mereka walau apa jua keadaan sekali pun. Oleh kerana itu, sifat ego dalam diri setiap individu dalam Adat Perpatih perlu dihakis demi kepentingan diri serta keluarga mereka. Seperti dinyatakan oleh Ali Akbar Navis (1984), dalam diri mana-mana individu perlu mempunyai tema “melawan dunia orang” iaitu semangat untuk bersaing demi kelangsungan hidup tetapi tidak membelakangkan mereka yang menyokong. Perkara ini juga turut disebut dalam petitihi masyarakat Minangkabau; “mau mulia bertabur urai, mau ternama dirikan kemenangan, mau pintar rajin berguru, mau kaya kuat berusaha”. Hal ini mewujudkan sebuah motivasi pada setiap individu untuk terus bangkit dengan mengambil kira persekitaran mereka sebagai semangat. Begitu juga halnya dengan teromba masyarakat Adat Perpatih yang berbunyi;

Yang baik bagi kiota
Disukai pula oleh orang lain
Enak bagi kita
Enak pula bagi orang lain
Sakit bagi kita
Sakit pula bagi orang lain

Bait-bait teromba tersebut menyebut tentang segala hal yang dilakukan oleh setiap individu perlu dilalui bersama-sama dengan anggota masyarakatnya. Kesusahan yang dihadapi oleh individu tersebut perlu diselesaikan bersama di samping sebagai penguat atau motivasi buat individu tersebut. Perkara ini menggambarkan tentang semangat kekeluargaan yang mencerminkan maruah dan jati diri setiap ahli dalam kelompok masyarakat dan begitu juga masyarakat tersebut terhadap pandangan masyarakat lain. Oleh itu, Ali Akbar Navis (1984) telah menghuraikan bahawa konteks harga diri ini dapat dibahagikan kepada kekerabatan dan ekonomi komunal berdasarkan jalur keturunan nasab ibu serta sistem perkahwinan dalam masyarakat.

Adat Perpatih sebagai sebuah adat yang menjadikan keluarga sebagai benteng dalam penentuan terhadap kesinambungan adat ini. Perkembangan institusi tersebut adalah berdasarkan kepada tiga kelompok iaitu luak, suku dan perut. Setiap kumpulan tersebut mempunyai seorang ketua yang berdasarkan aliran suku daripada nasab ibu mereka. Pemilihan ketua pula adalah melalui permuafakatan dalam kalangan anak buah. Disebut dalam teromba Adat Perpatih;

Duduk sama rendah
Berdiri sama tinggi
Sekurang-kurang didukun sehembus
Sekurang-kurang didukun seurat
Sekurang-kurang dialim sekitab.

Maksud kepada setiap bait teromba di atas adalah merujuk kepada permuafakatan dalam kalangan anak buah dalam menentukan sesebuah keputusan, termasuk juga pemilihan pemimpin adat. Muafakat itu terhasil adalah bersandarkan kepada persetujuan setiap ahli melalui kerelaan setiap pihak tanpa ada sebarang paksaan (Md. Yazid Ahmad 2017). Perkara ini menunjukkan bahawa setiap hujah yang dikeluarkan oleh semua pihak yang terlibat dalam perbincangan tersebut tidak berpandukan pada status mereka. Maksudnya, pandangan yang dikemukakan bukan hanya berpandukan pada taraf kedudukan seseorang itu. Sebaliknya konsep sama rata diguna pakai buat sementara waktu dalam melancarkan sesebuah keputusan dalam majlis permuafakatan tersebut (Mohd Rosli Saludin 2009). Digambarkan konsep seiya sekata dalam komunikasi masyarakat Adat Perpatih seperti di bawah;

Sekata tak berdalih
Janji dibuat dimuliakan
Buruk jangan dicari
Musuh sama dihadang
Selenggang seayun
Berlunak sama berlumpur
Bak kerbau sekandang
Tanduk sama diasah
Bak burung sesangkar
Mengepal sekirai
Bak ayam sereban
Kecil besar sama sedayung
Sakit satu semua berduka
Bak labu nan menjalar
Pucuk sama digetus
Wakaf sama dipetik
Ada sama mendapat
Cicir sama dicari
Untung laba sama dirasa.

Dijelaskan pada setiap bait yang terdapat pada teromba adat tersebut, menyatakan tentang sifat dan perilaku setiap ahli yang menyentuh tentang harga diri dalam kekerabatan Adat Perpatih. Hal ini menunjukkan bahawa setiap apa yang dilakukan oleh seseorang itu, ia mencerminkan tentang keluarganya. Sebagai contoh pada baris “sakit satu semua berduka”. Baris tersebut menjelaskan sekiranya seseorang dalam kerabat ditimpa masalah, maka seluruh ahlinya turut merasai keperitan itu. Oleh itu, perlunya ada sifat saling membantu antara satu sama lain bagi mengelakkan mana-mana individu dalam keluarga menghadapi kesulitan seorang diri. Malah, dalam al-Quran Surah An-Nisa ayat 1;

“Wahai manusia! Bertakwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakanmu daripada diri yang satu (Adam), dan (Allah) menciptakan pasangannya (Hawa) daripada (diri)nya, dan daripada kedua-duanya Allah mengembang biakkan lelaki dan perempuan yang banyak. Bertakwalah kepada Allah, yang dengan nama-Nya kamu saling meminta dan (peliharalah) hubungan kekeluargaan. Sesungguhnya Allah selalu menjaga dan mengawasimu.”

- Surah An-Nisa, ayat 1

Diterangkan dengan terperinci tentang hubungan antara manusia terutamanya dalam konteks kekeluargaan merupakan penyumbang terhadap keteguhan agama Islam.

PERMUAFAKATAN DALAM BERPOLITIK MASYARAKAT ADAT PERPATIH

Sekali lagi, muafakat atau mendapat kebulatan dalam kesepakatan menjadi kunci utama terhadap kesamaan dan kebersamaan ini (Mualimin

Mochammad Sahid 2018; Rosiwandy Mohd Salleh 2017; Makiah Tussaripah dan Jamaliah Mohd Taib 2012; Raja Nafida Raja Shahminan 1999; Norhalim Ibrahim 1997). Landskap politik masyarakat Adat Perpatih adalah bersandarkan pada demokrasi iaitu pemilihan pemimpin bermula daripada anak buah. Penggiliran untuk sesebuah jawatan dalam adat ini bersandarkan pada permuafakatan yang dilakukan oleh anak-anak buah. Sementara itu, pemilihan tersebut juga dinilai berdasarkan kelayakan pemimpin itu mengikut kepada penggiliran perut iaitu asal kekerabatan individu yang bakal dinaikkan kedudukannya.

Selain itu, kedudukan pemimpin adat ini hendaklah sentiasa mengambil berat tentang anak-anak buahnya. Sebagai contoh mengambil bahagian dalam permuafakatan dalam memberikan pandangan dan kata putus berkenaan dengan kekerabatannya. Malah, menjadi tanggungjawab juga ketua tersebut untuk memastikan keharmonian dalam kelompok yang dipimpinya. Oleh itu, kehidupan pemimpin adat itu wajar menunjukkan perilaku yang baik dan bagus hadapan anak-anak buahnya (Rosiswandy Mohd Salleh 2017; Wan Kamal Mujani et al. 2015; Norhalim Ibrahim n.d.). Seperti perbidalan “berbuat baik agar sepadan, berbuat buruk sesekali jangan”. Maksud daripada perbidalan ini menerangkan bahawa setiap pemimpin perlu mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang keji atau tidak disukai orang lain, malah memperbanyakkan melakukan perkara yang menjadi ikutan dan contoh kepada anak-anak buah. Melalui sikap ini anak-anak buah turut mengikut jejak langkah ketua mereka. Di sini jelas menunjukkan sifat yang baik bersama-sama dijadikan rujukan dan menjadi ikutan buat semua pihak tanpa mengira kedudukan dan status.

PERMUFAKATAN DALAM PEMILIHAN PEMIMPIN ADAT

Muafakat atau musyawarah merupakan kekuatan dalam komuniti adat ini. Kaedah perbincangan tersebut menjadi pemangkin dalam pemilihan ketua adat iaitu mereka dinilai berdasarkan seiya sekata daripada anak-anak buah. Berdasarkan penulisan Ali Akbar Navis (1984) berkenaan konsep seiya sekata dalam memilih pemimpin adalah berpandukan kepada permuafakatan anak buah itu sendiri. Berikut merupakan penulisan beliau yang mengulas tentang seiya sekata;

“Makna yang dikandung dalam istilah saiyo itu disebut baiyo-iyo (beriya-iya = berya-ya) dengan pasangannya batido-tido (bertidak-tidak) atau babukan-bukan (berbukan-bukan), yang lazim diucapkan: baiyo-iyo batido-tido.”

Maksud di sebalik petikan tersebut menjelas tentang permuafakatan ini bukan sekadar perbincangan tanpa objektif, sebaliknya mencapai kata sepakat untuk sebuah perkara. Sebagai contoh perlantikan pemimpin. Oleh itu, pemimpin adat yang dipilih itu bukan dipilih hanya mengikut kata hati. Sebaliknya dipilih dengan mengambil kira seluruh suara anak-anak buah dan faktor lain untuk mengangkat seseorang itu sebagai pemimpin (Rosiswandy Mohd Salleh 2017; Nordin Selat 2014; Norhalim Ibrahim n.d.). Seperti petiti di bawah yang menjelaskan tentang pemilihan mereka bermula daripada anak-anak buah untuk mengangkat seorang lelaki untuk dijadikan ketua mereka;


Kemenakan beraja ke mamak,
Mamak beraja ke penghulu,
Penghulu beraja ke mufakat,
Muafakat beraja ke alur dan patut.

Setiap pemilihan pemimpin itu dilaksanakan berdasarkan permuafakatan yang telah menjadi perkara yang patut dilaksanakan. Menurut Mualimin Mochammad Sahid (2018), muafakat merupakan kaedah dalam membentuk kebulatan berdasarkan pendapat yang dilontarkan oleh anak-anak buah. Selari dengan perbidalan masyarakat adat yang berbunyi; “bulat air oleh pembuluh, bulat kata oleh muafakat”. Malah, kebulatan dalam permuafakatan turut berperanan dalam mencapai persetujuan lain seperti peraturan, undang-undang atau hukum yang bersandarkan Adat Perpatih.

Kebiasaannya, perbincangan dibuat di bahagian serambi rumah tradisional Negeri Sembilan yang juga merupakan tempat kebulatan terhadap permuafakatan yang dijalankan. Melalui ruang ini juga berlakunya komunikasi dua hala yang melibatkan pemimpin dan anak-anak buah. Ini menunjukkan bahawa perbincangan atau permuafakatan yang bersandarkan Adat Perpatih ini turut mempengaruhi seni bina rumah tradisional ini. Sebagai contoh pembahagian ruang yang melibatkan golongan tertentu yang mempunyai kaitan dengan adat secara langsung atau tidak langsung.

SERAMBI

Serambi merupakan ruang yang sinonim dengan tempat musyawarah oleh ketua adat dan orang bawahan. Ruang tersebut juga bersebelahan dengan ruang rumah ibu yang sangat turut mempunyai kesan pengaruh Adat Perpatih (rujuk Gambar 3). Sementara itu, kawasan itu juga digunakan sebagai tempat menyambut, mengadakan majlis dan meraikan pasangan pengantin selepas akad nikah. Pada masa dahulu, ruang panjang ini melambangkan status seseorang dan mempunyai peranannya dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Sebagai contoh, serambi terbahagi kepada tiga bahagian iaitu serambi hujung, serambi tengah dan serambi pangkal (Raja Nafida Raja Shahminan 1999; Yaakub Idrus 1996).



GAMBAR 3. Lakaran menunjukkan pembahagian serambi dan rumah ibu yang terdapat pada rumah tradisional Negeri Sembilan
Sumber: Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman (2017)

Serambi pangkal terletak berhampiran dengan tangga dan ia adalah pintu masuk ke rumah. Kawasan itu dipenuhi dengan kain tabir lelangit sebagai penghormatan kepada Buapak atau Datuk Lembaga yang akan hadir pada sesi rundingan dan perbincangan. Ruang itu juga merupakan tempat ketua adat bersama anak-anak buah yang duduk bersama untuk membincangkan hal yang berkaitan dengan tradisi adat mereka atau perkara yang berkaitan dalam masyarakat.

Selain itu, serambi tengah merupakan tempat menyambut dan meraikan tetamu yang datang ke rumah. Tetamu akan masuk ke dalam rumah dan duduk di ruang yang disediakan sementara menunggu pemiliknya melayan mereka. Seperti

yang diterangkan oleh Chen, Syed Iskandar Ariffin dan Wang (2008), konsep ini secara tidak langsung menunjukkan sifat meraikan tetamu dengan layanan yang baik.

Hujung serambi dikhaskan untuk Penghulu Luak atau Ulama. Bahagian ini juga merupakan bahagian untuk anak-anak buah menghadap Penghulu Luak atau Ulama bagi berbincang apa jua perkara berkaitan adat dan agama. Selain itu, ruang tersebut juga digunakan untuk melaporkan sebarang isu yang berlaku dalam masyarakat. Kedudukan serambi pangkal menunjukkan sikap hormat pemimpin mereka yang telah dilantik dengan persetujuan anak-anak buah (Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif dan Kamarul Afizi Kosman 2017).

Oleh itu, bagi mencapai tujuan makalah ini, kaedah temu bual dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan buah buton. Perkara utama yang perlu diutarakan dalam makalah ini adalah siapa pemimpin yang dikaji. Maka, para informan daripada kategori waris pemimpin dipilih bagi mengenal salasilah serta jawatan dan fungsi pemimpin itu. Sementara itu, rumah Dato' Muar Bongkok yang dikatakan milik seorang pemimpin merupakan sampel penyelidikan utama artikel ini yang mana pemimpin tersebut dipilih atas dasar permuafakatan. Konsep tersebut diserikan dengan buah buton yang amat menarik kedudukannya yang mana posisinya tergantung di bahagian yang menjadi tempat Penghulu duduk.

TEMU BUAL

Temu bual yang dijalankan untuk makalah menasaskan kepada lima orang informan. Mereka terdiri daripada waris, pengamal adat dan pemimpin adat. Berikut merupakan senarai informan beserta kategori mereka bagi tujuan perbezaan dan perbandingan jawapan (Jadual 1).

JADUAL 1. Senarai informan berdasarkan kategori

Kategori	Nama
Waris	Ani Idris
Waris	Mohd Nor Mohd Amin @Noramin
Pengamal Adat	Abdul Syukor Daud
Pengamal dan penyelidik adat di Minangkabau	Ricky Syarul
Penyelidik Adat Perpatih	Mohd Rosli Saludin

KERJA LAPANGAN

Artikel ini memfokuskan kepada sebuah rumah sebagai sampel penyelidikan iaitu dipilih melalui buku oleh Raja Nafida Raja Shahminan (2007) yang bertajuk; “Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang”. Rumah tersebut dinamakan rumah Dato’ Muar Bongkok bersempena penghuni asal rumah tersebut. Selain itu, rumah ini berada di Luak Ulu Muar iaitu salah satu luak yang terdapat pada Luak Tanah Mengandung. Berikut merupakan informasi berkenaan sampel penyelidikan yang diperoleh daripada waris rumah tersebut iaitu Ani Idris dan Mohd Nor Mohd Amin (rujuk Jadual 2).

JADUAL 2. Informasi rumah Dato’ Muar Bongkok


Rumah Dato’ Muar Bongkok



Nama rumah	• Dato’ Muar Bongkok
Lokasi	• Kampung Parit Seberang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan
Luak	• Luak Ulu Muar
Tahun Dibina	• Sekitar 1870-an (ketika pemerintahan Penghulu Na’am iaitu Penghulu Luak Ulu Muar yang Pertama)
Pemilik asal	• Isteri Dato’ Muar Bongkok (tidak diketahui nama)
Penghuni lain	• Dato’ Muar Bongkok Abdul Malik
Pengaruh penghuni dalam Adat Perpatih	• Penghulu Luak Ulu Muar ke-7

Sementara itu, terdapat sebanyak dua buah buton yang tergantung pada bahagian luar rumah iaitu di hujung serambi (*end of the porch*) (rujuk Gambar 4). Malah, kedua-dua rekaan buah buton tersebut adalah berbeza dan tergantung selari


antara satu sama lain. Gambar 5 dan 6 merupakan rekaan buah buton yang terdapat pada rumah tersebut serta lakaran kedudukan subjek tersebut.



GAMBAR 4. Dua buah buton yang tergantung dari bahagian luar pada hujung serambi rumah tersebut
Sumber: Fotografi oleh Fakhur Razi Maamor 2020





GAMBAR 5. Dua buah buton yang berbeza rekaan
Sumber: Fotografi oleh Fakhur Razi Maamor 2020



GAMBAR 6. Lakaran menunjukkan kedudukan buah buton yang tergantung di hujung serambi rumah tersebut.
Sumber: Adobe Illustrator oleh Fakhur Razi Maamor 2020

JADUAL 3. Analisis rekaan dan kedudukan buah buton berpandukan jawapan informan

Visual Rekaan dan Kedudukan Buah Buton	Transkripsi	Informan
 <p data-bbox="297 623 392 649">Gambar 1</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kedua-dua buah buton pada rumah tersebut bersifat flora iaitu diukir seperti bentuk buah. • Gambar 1 mempunyai motif yang seakan-akan burung yang terbang. • Gambar 2 menunjukkan bentuk buah yang mempunyai sisik. • Jika diperhatikan pada Gambar 3, ukiran bersisik itu saling bertindan atau bertindih dan diukir sekeliling buah buton seperti terdapat pada Gambar 2. • Berdasarkan sudut pandang estetika, makna disebalik ukiran bersisik itu menunjukkan pengikot atau anak-anak buah berada di bawah nauangan pemimpin. • Memandangkan, Dato' Muar Bongkok merupakan Penghulu di Luak Ulu Muar suatu ketika dahulu. • Perlambangan kepimpinan itu boleh dilihat pada bahagian atas ukiran bersisik yang menampakkan seakan-akan bentuk kelopak yang melingkari pada buah buton tersebut seperti yang terdapat Gambar 4. • Perkara ini menunjukkan sifat seorang pemimpin adalah perlu memastikan kebajikan dan keadilan buat anak-anak buah berada di bawah tanggungjawabnya. • Keadilan dan kesepakatan dalam menentukan sesebuah keputusan menjadi keutamaan dalam pemikiran pemimpin yang selari dengan kata adat "biar mati anak, jangan mati adat". • Kepimpinan seseorang itu pula harus bertunjangan kepada teras Islam yang menjadi rujukan utama dalam Adat Perpatih selari dengan perbilangan adat "adat bersendikan hukum, hukum bersendikan syarak, syarak bersendikan Kitabullah". • Konteks tersebut juga menunjukkan sifat pemimpin perlu merendah diri dan tidak mendabik dada atau mendongak dagu dengan menunjukkan sikap ego dan sombongnya. • Selari dengan peribahasa dan menjadikan alam sebagai metafora: "bagai resmi padi, makin ia berisi makin ia tunduk". • Sifat tersebut juga bersesuaian dengan kedudukannya yang tergantung dari tanah menunjukkan bahawa setiap yang bernyawa pasti akan mati (rujuk Gambar 5) • Ini juga sebagai satu peringatan bahawa kehidupan dan kedudukan sebagai manusia dan pemimpin tidak akan kekal dan berkuasa melainkan Tuhan yang satu Maha Berkuasa. 	<p>Abdul Syukor Daud</p>
 <p data-bbox="297 919 392 945">Gambar 2</p>		
 <p data-bbox="297 1100 392 1126">Gambar 3</p>		
 <p data-bbox="297 1281 392 1307">Gambar 4</p>		
 <p data-bbox="297 1608 392 1634">Gambar 5</p>		
 <p data-bbox="297 1773 392 1799">Gambar 1</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk buah buton yang terdapat pada rumah Dato' Muar Bongkok kelihatan seakan-akan bunga dan buah kecubung. • Perkara ini motif yang ada pada buah buton (rujuk Gambar 1) serupa dan seakan-akan bunga kecubung yang mekar. • Sementara itu, Gambar 2 pula menunjukkan sifat buah kecubung mimesis terhadap buah buton. • Sifat buah kecubung itu sangat ketara pada fizikal buah tersebut disamping terdapat bahagian seperti "border" antara bentuk buah dengan tangkainya. • Walaupun sifat semula jadi buah ini berduri, tetapi ukiran melengkung yang mengelilingi buah buton (Gambar 2) melambangkan kelembutan dan keadilan yang ada pada diri seorang pemimpin. • Seorang pemimpin itu perlu adil dan saksama dalam menentukan sesuatu keputusan. • Ini digambarkan pada sebatang tiang yang berada di tengah antara dua buah buton ini (rujuk Gambar 3). 	<p>Ricky Syarul</p>
 <p data-bbox="263 2055 427 2081">Bunga kecubung</p>		



Gambar 2



Buah kecubung



Gambar 3

- Sebatang tiang yang berada antara buah buton itu jika berpandukan pada sudut seni bina, ianya sebagai penampung atau pengimbang terhadap struktur rumah.
- Dari sudut falsafahnya, ia bertindak sebagai pengimbang kepada keadilan dalam sesebuah keputusan.
- Ini kerana kedudukan kedua-dua buah buton itu berada di hujung serambi yang sinonim untuk tempat Penghulu atau Ulama.
- Sementara itu, konteks akal fikiran dijadikan penindak terhadap pelaksanaan sesuatu perkara iaitu menunjukkan kebijaksanaan pemimpin itu sendiri.
- Oleh itu, dapat dijustifikasikan bahawa dalam seorang pemimpin itu perlu bertindak menggunakan akal fikiran dan bukannya hawa nafsu yang mengikut emosi semata-mata.
- Ini kerana pemimpin yang bertindak berdasarkan fikiran yang positif mampu meletakkan dirinya sebagai seorang pemimpin yang disanjung dan dihormati.



Gambar 1



Gambar 2
(Nanas hutan)

- Buah buton secara amnya mengikut pada falsafah “tigo tungku sejarangan”.
- Terdapat tiga pecahan untuk satu buah buton berdasarkan falsafah tersebut merujuk pada Gambar 1; 1) hubungan manusia dengan Allah; 2) hubungan manusia dengan manusia; dan 3) hubungan manusia dengan alam.
- Falsafah “tigo tungku sejarangan” ini membawa pengistilahan yang rapat dan saling berkait antara satu sama lain.
- Sementara itu, reka bentuk kedua-dua buah buton tersebut adalah berinspirasi daripada sejarah kehidupan ibu bapa penghuni asal rumah ini iaitu Penghulu Naam (Pengkulu pertama Luak Ulu Muar).
- Ibu Penghulu Naam merupakan keturunan orang asal; manakala ayahnya pula adalah orang sufi dari Yaman.
- Dari sudut visual kedua-dua buah buton kelihatan seperti buah nanas hutan.
- Ini menunjukkan sebagai perlambangan kepada kehidupan asal ibu Penghulu Naam yang sinonim dengan kediaman dalam hutan.
- Bentuk nanas tersebut boleh dilihat pada ukiran bersisik serta motif yang melentik pada kedua-dua buah buton tersebut.
- Bagi merujuk kepada perlambangan ayahnya pula yang kuat pegangan agamanya, dua buah buton yang tergantung kiri dan kanan antara sebatang tiang merujuk kepada makna Allah dan Muhammad.
- Manakala, tiang yang berada di tengah antara dua buah buton itu disimbolkan kepada Penghulu Naam itu sendiri dan seterusnya Penghulu atau pemimpin yang lain.
- Ini menunjukkan segala keputusan yang dibuat oleh pemimpin itu perlulah adil dan memberikan kata putus terhadap perbincangan yang dibuat.
- Buah buton yang ada di kiri dan kanan tiang tersebut sebagai peringatan dalam memberikan kata putus.
- Kata putus itu pula selepas mendapat kata muafakat daripada pembesar yang lain.
- Erti kata lain, kedua-dua buah buton itu perlu turut bersangkut paut dengan struktur tiang-tiang yang ada pada rumah itu iaitu membawa perlambangan kepada pemimpin-pemimpin adat.

Mohd Rosli
Saludin

ANALISIS KAJIAN

Analisis artikel ini memberi tumpuan terhadap rekaan dan kedudukan yang mempunyai tujuan dan makna di sebalik penciptaan buah buton ini. Berdasarkan kaedah temu bual dengan melibatkan tiga orang informan iaitu Abdul Syukor Daud, Ricky Syarul dan Mohd Rosli Saludin; telah membawa kepada pendekatan falsafah dan estetika buah buton yang menyentuh tentang pemikiran adat yang bersangkutan paut dengan konteks alam. Berikut merupakan jadual analisis dengan padanan transkripsi oleh ketiga-tiga informan tersebut berpandukan pada rekaan dan kedudukan buah buton yang ada pada rumah Dato' Muar Bongkok (rujuk Jadual 3).

Berdasarkan persamaan jawapan ketiga-tiga informan ini, buah buton merupakan simbolik terhadap status dan kedudukan pemimpin, terutamanya Penghulu. Malah, tiang tengah yang berada antara kedua-dua buah buton itu merujuk kepada pendirian seorang Penghulu dalam menyatakan sesebuah keputusan. Kata putus itu berdasarkan kepada kesepakatan yang dibuat oleh anak-anak buahnya dalam mencapai sebuah matlamat tertentu. Penyelidikan ini percaya dengan berpandukan dapatan daripada temu bual ini, buah buton bukan sahaja sebagai mewakili sebuah simbol; malah, mempunyai kaitan dengan struktur bangunan yang lain yang turut mempunyai makna dan fungsinya yang tersendiri.

PERBINCANGAN

Buah buton yang terdapat pada rumah Dato' Muar Bongkok ini bukan sekadar hiasan semata-mata. Tetapi, mempunyai falsafah dan makna di sebalik rekaan dan kedudukannya. Malah, tiang tengah antara dua buah buton pada rumah ini pula turut disimbolkan sebagai memberi pengaruh terhadap kedudukan penghuni rumah tersebut. Dari sudut pandangan seni bina, tiang yang terdapat pada hujung serambi itu sebagai penyokong kekukuhan hujung serambi tersebut. Kekukuhan itu juga untuk memastikan bahawa struktur serambi seimbang dan tidak melendut ke bawah. Walau bagaimanapun, daripada fahaman Adat Perpatih, tiang tengah yang berada antara dua buah buton itu memberi makna terhadap perlambangan dan kekuatan seorang pemimpin adat terutamanya Penghulu luak tersebut. Kekuatan tersebut diserikan lagi dengan dua buah

buton yang bertindak sebagai peringatan terhadap pemimpin atau penghuni tersebut.

Peringatan yang diterjemahkan di sini dibentuk dan diolah ideanya dalam imejan visual yang berkonsepkan ukiran. Erti kata lain, elemen alam dijadikan *subject matter* dan diolah dengan berpandukan pada Adat Perpatih. Ini selari dengan kenyataan oleh Abdul Halim Nasir (2016), Raja Nafida Raja Shahminan (2007) dan Yaakub Idrus (1996) yang menyebut bahawa setiap elemen yang ada pada rumah tradisional di Negeri Sembilan di bina berpandukan Adat Perpatih. Berpandukan pada respon yang diberikan oleh informan seperti Abdul Syukor Daud, Ricky Syarul dan Mohd Rosli Saludin menyatakan dengan jelas tentang setiap motif dan reka bentuk pada buah buton itu dibina berdasarkan sifat alam itu sendiri. Malah, kedudukan buah buton itu juga menjadi asbab terhadap kaitannya dengan elemen alam itu sendiri. Seperti dinyatakan oleh Abdul Syukor Daud, elemen alam banyak dijadikan sebagai metafora terhadap perwatakan dan sifat masyarakat Adat Perpatih. Malah, gaya bahasa metafora itu kemudiannya diterjemahkan dalam bentuk puisi tradisi atau teromba oleh masyarakat tersebut. Sebagai contoh kedudukan buah buton pada rumah ini dapat dikaitkan dengan teromba seperti dibawah;

Maka terangkatlah kadam jari,
Sepuluh rapat bagai sireh susun,
Bertaup rapat bak sulur bakung.

Penggunaan elemen alam pada teromba di atas menyentuh tentang tatasusila ketika menghadapi pembesar. Definisi untuk baris kedua teromba diatas menunjukkan posisi kedua-dua telapak tangan yang saling bertemu; yang kemudiannya disambung dengan baris ketiga dengan melambangkan kedua-dua tangan tadi diangkat selari dengan muka atau dada sebagai merujuk kepada penghormatan terhadap pemimpin tersebut. Penggunaan flora seperti sireh dan sulur bakung memberikan keindahan terhadap perilaku ketika berjumpa dengan pemimpin. Daun sireh yang sinonim dengan masyarakat Adat Perpatih pula merupakan "persembahan sebuah adab" ketika bertemu dengan pembesar. Menunjukkan di sini bahawa sireh sebagai simbolik permula acara.

Sementara itu, sulur bakung atau perkataan lain iaitu bayung merupakan sejenis bunga yang berkuncup dan kemudiannya berkembang dengan melentik. Perkataan "melentik" dalam konteks

kehidupan masyarakat Melayu sebagai kesopanan dan lembut tutur kata. Malah, turut mengaplikasikan konsep “melentik” itu dalam ukiran Melayu yang dibentuk dengan kepelbagaian gaya dan pergerakan dalam ukiran tersebut. Menggambarkan di sini kehidupan penuh dengan cabaran, perlulah berhadapan dengan penuh tertib dan teratur tanpa bersikap agresif. Ini kerana sifat orang Melayu itu sudah digambarkan dengan kesopanan. Seperti dinyatakan dalam Rukun Negera Malaysia itu iaitu “kesopanan dan kesusilaan”.

Konsep “melentik” boleh dikaitkan dengan bunga kecubung yang dinyatakan oleh Ricky Syarul dalam temu bual sebelum ini. Sifat bunga kecubung itu juga melentik apabila ia mekar daripada menguncup. Walau bagaimanapun, sifat buah kecubung itu pula adalah buah beracun dan tidak sesuai untuk kesihatan. Malah, terdapat peribahasa Melayu yang menjadikan buah kecubung ini sebagai simbolik dalam kehidupan masyarakat. Sebagai contoh “kecubung berulam ganja” atau “mabuk kecubung” yang masing-masing membawa maksud yang negatif seperti mabuk, ghairah dan jahat. Walau bagaimanapun, konteks tersebut dapat dikaitkan racun itu dengan ketegasan seorang pemimpin dalam memastikan anak-anak buahnya berada dalam keadaan harmoni dan sejahtera.

Keharmonian dan kesejahteraan buah buton yang hadir selari dengan tiang yang berada di tengah antara kedua-dua subjek tersebut membawa makna kesepakatan atau seiya sekata (Ali Akbar Navis 1984). Kesepakatan itu menunjukkan falsafah “tigo tungku sajarangan” menjadi petunjuk dalam keberadaan buah buton sebagai panduan dalam menyatakan kehendak. Boleh dikatakan, buah buton itu bertindak sebagai “penasihat” dalam sesebuah perkara yang dilakukan. Terutama ianya melibatkan pemimpin seperti Penghulu dan pemimpin adat dalam memastikan setiap keadaan yang dilaksanakan mengambil kira tiga aspek iaitu ketuhanan, masyarakat dan alam. Maka, setiap aspek itu mempunyai variasi tujuan yang berpandukan pada perlaksanaan adat; dan membentuk sebuah pemikiran yang kritis dan sempurna. Setiap perkara itu adalah demi kepentingan masyarakatnya. Sudah pasti, konteks agama menjadi perkara pertama yang perlu difikirkan demi mendapat keredhaan-Nya.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa buah buton yang terdapat pada rumah Dato’ Muar Bongkok ini melibatkan tiga perkara;

1. seorang pemimpin perlu adil dan tidak pilih bulu dalam menyatakan sesuatu keputusan;
2. seorang pemimpin itu perlu berpewatakan sopan atau erti kata lain positif dalam setiap aspek untuk menunjukkan contoh pada anak-anak buahnya; dan
3. seorang pemimpin itu perlu tegas dalam mempertahankan hak dan kebajikan anak-anak buahnya dalam setiap aspek.

Jika digabungkan secara keseluruhannya, buah buton yang ada pada rumah Dato’ Muar Bongkok ini menyampaikan permaknaan berkenaan dengan ketegasan pemimpin itu perlulah adil dan saksama dalam menentukan sesebuah keputusan. Dalam masa sama, pernyataan sesebuah keputusan itu tidak berpandukan pada pemikiran peribadi, sebaliknya melihat kepentingan tersebut pada anak buahnya. Ini yang melambangkan ketegasan seorang pemimpin yang menjadi ikutan masyarakat sekelilingnya. Malah, dalam ketegasan itu memberi peringatan kepada pemimpin tersebut bahawa amanah yang diberikan oleh anak buahnya adalah sebuah tanggungjawab yang perlu dipikul dengan sopan dan saksama.

KESIMPULAN

Buah buton merupakan interpretasi kepada kehidupan masyarakat Adat Perpatih. Kehidupan itu pula adalah berpandukan kepada konteks alam yang menjadi guru dan rujukan masyarakat tersebut. Malah, pemahaman tersebut juga diterapkan dalam sistem Adat Perpatih itu sendiri yang menjadi teras kepada kehidupan komuniti ini. Ini merupakan asas dalam kehidupan seharian masyarakat yang kemudiaannya diterjemahkan dalam bentuk teromba yang banyak menggunakan alam sebagai subjek penyampaian mesej. Begitulah juga dengan pembentukan buah buton yang dibina atas dasar permajmukan dalam pemahaman adat ini. Maka, banyak penyampaian positif dalam adat ini yang memberi penekanan terhadap konteks kepimpinan. Oleh itu, makalah ini mencadangkan agar buah buton dapat diaplikasikan pada bangunan kerajaan yang menjadi pentas pertemuan para pemimpin dalam memajukan negara. Sementara itu, buah buton juga amat sesuai untuk digantung dalam ruang parlimen yang menjadi tempat pembentukan dan perbincangan dasar kerajaan demi kepentingan rakyat negara ini.

NOTA

- ¹ Merupakan gabungan lima buah luak iaitu Luak Ulu Muar, Luak Jempol, Luak Terchi, Luak Gunung Pasir dan Luak Inas. Setiap ini berada di bawah naungan Yang Di-Pertuan Besar yang mana kedudukannya mengelilingi Seri Menanti yang menjadi tempat persemayaman Baginda Tuanku.

RUJUKAN

- Ali Akbar Navis. 1984. *Alam Berkembang Jadi Guru: Adat dan Kebudayaan Minangkabau*. Indonesia: PT Pustaka Grafitipers.
- Makiah Tussaripah Jamil & Jamaliah Mohd Taib. 2012. Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam. Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-5, Brunei Darussalam.
- Martinez, I.M., Salanova, M. & Ortiz, V.C. 2020. Our boss is a good boss! cross-level effects of transformational leadership on work engagement in service jobs. *Journal of Work and Organizational Psychology* 36(2): 87 – 94.
- Md. Yazid Ahmad. 2017. Practice of Muafakat and Application of Takharuj in Inheritance Distribution According to Muslim Inheritance Law Perspective. *Islāmiyyāt* 39(1): 21-28.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Idris Aman & Norsimah Mat Awal. 2017. Aspek Kesejajaran dalam Perbilangan Adat Berdasarkan Analisis Stilistik. *Akademika* 87(1): 279 – 290.
- Mohd Rosli Saludin. 2009. *Teromba Sebagai Alat Komunikasi dalam Kepimpinan Adat Perpatih*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Mohd Sabriaza Abd Rashid & Sufian Che Amat. 2008. The Traditional Malay Architecture: Between Aesthetics and Symbolism. *Proceeding Seminar on Intellectual Property and Heritage Issues in Built Environment*, Renaissance Hotel Kuala Lumpur. 20- 21st July.
- Mualimin Mochammad Sahid. 2018. Pembangunan Model Adat Perpatih Patuh Syariah di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. In Mualimin Mochammad Sahid, Azman Ab Rahman & Muhammad Ikwam Hami (Eds.). *Adat Perpatih Berpandukan Syarak: Amalan di Negeri Sembilan dan Minangkabau*. Nam Publications.
- Mualimin Mochammad Sahid, Muhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh, Nik Rahim Nik Wajis, Setiyawan Gunardi, Mohd Nasir Abdul Majid, Mariam Saidano Tagaronao & Nur Athirah Ramli. 2017. Justifikasi Hukum Syarak Ke Atas Amalan Adat Perpatih dalam Pewarisan Tanah Adat / Ulayat di Indonesia dan Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law* 5 (Khas): 1 – 21.
- Muhammad Takari Jilin Syahril & Fadlin Muhammad Dja'far. 2019. *Memahami Adat dan Budaya Melayu*. Indonesia: Program Studi Etnomusikologi FIB USU dan Majelis Adat Budaya Melayu Indonesia.
- Muteswa, R.P.T. 2016. Qualities of a good leader and the benefits of good leadership to an organization: A conceptual study. *European Journal of Business and Management* 8(24): 135 – 140.
- Nilu Inagda Manyam Keumala Daud, Ezrin Arbi & Mohammad Faisal. 2012. Pengaplikasian ukiran kayu Melayu dalam seni bina di Malaysia. *Journal of Design and Built Environment* 11: 1-14.
- Nordin Selat. 2014. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: PTS Akademia.
- Norhalim Ibrahim. 1997. *Sistem Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*. <https://malaycivilization.com.my/omeka/files/original/7d8c98a4b13f4cc2decc249283e8b2e4.pdf>
- Norhalim Ibrahim. n.d. *Pemimpin dan Kepimpinan dalam Suku Adat Perpatih*. <https://malaycivilization.com.my/omeka/files/original/8d0ec589753686bdb0d5a8daa78f789e.pdf>
- Raja Nafida Raja Shahminan. 2007. *Rumah Tradisional Luak Tanah Menganung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang*. Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan.
- Raja Nafida Raja Shahminan. 1999. Evolusi Senibina Balai Adat di Negeri Sembilan. Disertasi sarjana, Universiti Malaya.
- Raja Nafida Raja Shahminan. n.d. *Seri yang Menanti*. <http://nagariperpatih.blogspot.com/2010/02/seri-yang-menanti.html>
- Rosiswandy Mohd Salleh. 2017. *Sejarah Pengamalan Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. <http://www.jmm.gov.my/files/original%20nota%20sejarah%20pengamalan%20adat%20perpatih%20di%20negeri%20sembilan%20pdf.pdf>
- Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif & Kamarul Afizi Kosman. 2017. The serambi of Negeri Sembilan traditional Malay house as a multifunctional space – role in custom (Adat). *Journal of Design and Built Environment* 17(2): 37 – 50.
- Surji, K.M. 2015. Understanding leadership and factors that influence leaders' effectiveness. *European Journal of Business and Management* 7(33): 154 – 167.
- Tenas Effendy. 2004. *Tunjuk Ajar Melayu: Butir-butir Budaya Melayu Riau*. Riau: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu Melayu.
- Wan Kamal Mujani, Wan Hamdi Wan Sulaiman, Erny Azziaty Rozali et al. 2015. *Sistem Federalisme dalam Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yaakub Idrus. 1996. *Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Fakhrur Razi Maamor
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Emel: fakhrrrazi991@gmail.com
- Sabzali Musa Kahn
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
Emel: sabzali@um.edu.my
- Mohd Rosli Saludin, Ph.D
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: dmohdroslisaludin@gmail.com